

73

SOALAN NO: 231

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

RUJUKAN : BL5 [PR-1361-T01766]

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jenis skim perumahan dan jumlah unit rumah di bawah setiap skim yang ditawar oleh pelbagai agensi Kerajaan di Kuala Lumpur dan berapa unit rumah itu disiap dan telah dijual.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut, terdapat 7 skim Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri serta pihak pemaju swasta. Secara keseluruhannya, terdapat 108,361 unit rumah yang dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:

PERINGKAT	KWP			JPM			KPKT			SPNB			MINDEF		
	RUMAWIP	PPA1M	PR1MA	PPR	RMR1M	RAR	LTAT								
	(sehingga 28/2/2018)			(sehingga 31/12/2017)						JUMLAH					
Siap	2,413	1,536	2,634	1,600	11									8,194	
Bina	25,514	4,563	543	500									580	31,700	
Rancang	41,274	12,834	10,129		22	2,200	408							66,867	
JUMLAH	69,201	18,933	13,306	2,100	33	2,200	988							106,761	
TERJUAL	15,742	2,636	4,174												

Sejumlah 9,794 unit telah berjaya disiapkan merangkumi 2,413 unit RUMAWIP, 1,536 unit PPA1M, 2,634 unit PR1MA, 1,600 unit PPR dan 11 unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M). Sebanyak 22,552 unit telah berjaya dijual. Daripada jumlah tersebut, 15,742 unit (70%) yang terjual adalah melibatkan Program RUMAWIP, 2,636 unit (11%) melibatkan Program PPA1M dan 4,174 unit (19%) melibatkan Program PR1MA.